

**Mogan Kekal Pengerusi MIC Bahagian Rembau
Bernama
7 Oct, 2013**

SEREMBAN, 7 Okt (Bernama) -- Ketua Penerangan MIC Datuk V S Mogan berjaya mengekalkan jawatan sebagai Pengerusi MIC Bahagian Rembau yang dipegangnya sejak 2005, dalam pemilihan peringkat bahagian itu yang berlangsung semalam.

Beliau yang dicabar oleh Pengerusi MIC Cawangan Taman Tuanku Jaafar Selatan, G Kaliamoorthy, memperoleh 46 undi berbanding lawannya 18 undi.

"Saya akan berusaha memperkuatkan parti dan menarik lebih ramai golongan muda menyertai MIC selain menyelesaikan beberapa masalah yang membelenggu kaum India," katanya ketika dihubungi Bernama di sini Isnin.

Sementara itu, Pengerusi MIC negeri Datuk T Rajagopal berkata Timbalannya Datuk A Ganeson juga berjaya mempertahankan jawatan sebagai Pengerusi MIC Seremban.

Dalam pemilihan itu Ganeson memperoleh 79 undi manakala pencabarnya S Baitumalai yang juga bekas Setiausaha MIC bahagian berkenaan, menerima 27 undi.

M Kalidas pula menang jawatan Pengerusi MIC Bahagian Kuala Pilah yang dikosongkan oleh A Anandan. Kalidas dicabar oleh Setiausaha MIC bahagian itu R Mahendran.

Kalidas yang sebelum ini Timbalan Pengerusi bahagian itu mendapat 24 undi manakala Mahendran memperoleh 15 undi.

Pada penamaan calon 28 Sept lepas, tiga daripada lapan pengerusi bahagian menang tanpa ditandingi.

Mereka ialah Pengerusi MIC Bahagian Rasah Datuk T Rajagopal (penyandang), Pengerusi MIC Bahagian Tampin Datuk S Rajendran (penyandang) dan Pengerusi MIC Bahagian Jelevu P Subramaniam (baharu).

Pemilihan Bahagian Rasah dan Tampin berlangsung kelmarin manakala Bahagian Jempol dan Jelevu pada Jumaat ini, diikuti Telok Kemang pada Ahad.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=983594>